

**SULIT**

---



Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2021/2022

Februari/Mac 2022

**HSK501 – Teori dan Kaedah Penyelidikan Dalam Ilmu Sejarah**

Masa : 24 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** (3) muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA** (3) soalan. Jawab **SATU** (1) soalan daripada setiap Bahagian A, B dan C.

**Bahagian A**

1. Thomas Harrison melalui tulisan beliau *Divinity and History: the Religion of Herodotus* (2002) merumuskan bahawa ahli sejarah Greek seperti Herodotus dalam karya *Histories* sentiasa mengaitkan kisah-kisah sejarah dengan kuasa luar biasa tuhan yang menghukum mereka yang bersalah pada setiap masa dan ruang.

Berdasarkan pandangan Harisson ini, **bincangkan** secara kritis kedudukan elemen *divine force* dalam persejarahan Greek sehingga zaman Polybius berbanding falsafah sejarah era St. Augustine of Hippo.

[100 markah]

2. Roland Barthes dalam *The Discourse of History* (1967) menegaskan bahawa tidak wujud epistemologi tersendiri disiplin sejarah kerana penulisan sejarah hanyalah satu lagi bentuk naratif yang dijustifikasi dari rasionalisasi.

Berdasarkan pernyataan Barthes di atas, **bincangkan** secara komprehensif perbezaan pandangan antara ahli sejarah pasca moden dengan golongan *Constructivism* dan *Contextualism* terhadap kepentingan kerangka teori, binaan naratif dan kedudukan bahan bukti dalam disiplin sejarah.

[100 markah]

**Bahagian B**

3. Caroline O. N . Moser dan Fiona C. Clark dalam *Victims, Perpetrators or Actor?* (2001), menganggap pembahagian stereotaip bahawa wanita sebagai ‘mangsa’ dan lelaki sebagai ‘pelaku atau aktor’ dalam konflik bersenjata atau perang dengan sendirinya menidakkan peranan wanita sebagai ejen atau aktor dalam proses tersebut dan hal ini wajar diperbetulkan.

Dengan menggunakan contoh-contoh penglibatan wanita dalam perang, **bincangkan** peranan wanita sebagai ejen sosial yang dilihat mencabar norma patriarki dan sebagai pembuat keputusan bagi sesuatu pergerakan bersenjata.

[100 markah]  
...3/-

- 3 -

4. Menurut Paul Thompson dalam *The Voice of the Past: Oral History* (1978), kaedah sejarah lisan menjadikan bidang sejarah lebih demokratik kerana ia mengalihkan tumpuan yang berlebihan terhadap kisah hidup kelompok yang mempunyai kuasa kepada cerita kehidupan rakyat biasa.

Merujuk kepada pandangan Thompson di atas dan dengan menggunakan contoh yang sesuai, **huraikan** sumbangan kaedah ini kepada pendokumentasian sejarah rakyat biasa di Asia Tenggara.

[100 markah]

### Bahagian C

5. Menurut O'Brien (1977) melalui *Intercontinental Trade and Development of the Third World since the Industrial Revolution*, telah berlakunya perubahan orientasi ekonomi global sejak akhir abad ke-19 kepada neomerkantilisme (merkantalisme) dalam perkembangan imperialisme Eropah.

Dengan menggunakan contoh-contoh yang sesuai, **bincangkan** secara terperinci bagaimana pelaksanaan merkantalisme menggantikan sistem perdagangan bebas dalam perkembangan imperialisme di tanah jajahan.

[100 markah]

6. **Huraikan** secara terperinci kepentingan penyelidikan sejarah ekonomi dalam menganalisis perkembangan ekonomi di Tanah Melayu.

[100 markah]

- oooOooo -